



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

MAUIZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

SIRI 3



BERSEDEKAH

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaan-Nya) lagi Maha Mengetahui”. (Surah Al-Baqarah: 261)

MENJAGA DAN MEMELIHARA WUDHU

“Siapa yang berwudhu dan memperelokkan wudhunya, kesalahan-kesalahannya akan keluar dari jasadnya, bahkan sampai keluar dari hujung-hujung kukunya”. (HR Muslim)

BERISTIGHFAR

Sabda Nabi SAW: “Demi Allah aku selalu beristighfar dan bertaubat kepada-Nya lebih dari 70 kali dalam sehari”.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ

غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah Ali-Imran: 31)

SOLAT TAHAJUD

Lebih dikenali dengan Qiyamullail atau solat malam yang mempunyai fadhilat kebaikan dan keistimewaan untuk diri kita jika mengamalkannya.

SAIDINA UMAR AL-KHATTAB MENYATAKAN: “SESIAPA MENERJAKAN SOLAT MALAM (TAHAJUD) DENGAN KHUSYUK NESCAYA DIANUGERAHKAN ALLAH SEMBILAN PERKARA, LIMA DI DUNIA DAN EMPAT DI AKHIRAT”.

MENDAHULUKAN KAKI KANAN SAAT MEMAKAI KASUT DAN KAKI KIRI KETIKA MEMBUKANYA

Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika kalian memakai kasut maka dahulukanlah kaki kanan dan jika melepaskannya, maka dahulukanlah kaki kiri. Jika memakainya maka hendaklah memakai keduanya atau tidak memakai keduanya sekali”. (HR Al-Bukhari dan Muslim)

MEMBACA AL-QURAN

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya al-Quran akan datang sebagai pemberi syafaat bagi sahabatnya (orang yang membacanya)”. (HR Muslim)

MELAKUKAN SOLAT DHUHA

Daripada Abi Zar RA, bahawa Nabi SAW bersabda: “Pada pagi hari, setiap sendi salah seorang daripada kamu memerlukan kepada sedekah. Maka setiap tasbih (subhanallah) itu adalah sedekah, setiap tahmid (alhamdulillah) itu adalah sedekah, setiap takbir (allahuakbar) itu adalah sedekah, menyuruh berbuat perkara yang baik adalah sedekah, melarang daripada perkara yang mungkar adalah sedekah dan semua itu cukup (bersedekah kepada semua sendi itu) dengan dua rakaat yang telah didirikan oleh seseorang itu daripada solat Dhuha”. (Riwayat Muslim: 720)

MENGERJAKAN SOLAT BERJEMAAH TEPAT PADA WAKTUNYA

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Kalau saja manusia tahu pahala panggilan solat dan saf awal, kemudian mereka tidak boleh mendapatkannya selain dengan mengundi, pasti mereka akan mengundi”. (HR Muslim)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

Bahagian Hal Ehwal Islam

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635

